

# AmBank bangga



Mahu jalin kerjasama berterusan dengan Harian Metro

>>Oleh Aida Adilah Mat, Bazly Azmi dan Alias Abd Rani  
sukan@nstp.com.my

**N**YATA sambutan di luar dugaan Karnival Futsal i-Metro-FAM 2008 Zon Tengah mengejutkan Pengarah Perhubungan Awam Kumpulan AmBank, Syed Anuar Syed Ali yang turut hadir menyaksikan perlawanan akhir di HTO de Futsal, Subang Jaya, kelmarin.

Zon Tengah berjaya mencatatkan rekod penyertaan tertinggi apabila membabitkan saingan 402 pasukan yang menarik minat AmBank untuk menjalinkan kerjasama yang berterusan bersama Harian Metro (HM).

Syed Anuar berkata, beliau tidak menjangka penganjuran karnival itu begitu meriah dan ini membuktikan pentingnya pembabitan HM sebagai media dalam menarik minat golongan muda menghindari aktiviti yang tidak berfaedah.

Terdahulu, AmBank menjadi syarikat korporat terbaru tampil sebagai penaja bersama akhbar Bahasa Malaysia nombor satu negara dalam penganjuran Karnival Futsal i-Metro yang mendapat pengiktirafan daripada Malaysia Book of Records selepas mencatatkan rekod penyertaan tertinggi, tahun lalu.



**TANGKAS...**Karnival Futsal i-Metro turut menarik minat pelajar USIM B (berjersi merah biru) dalam kategori Terbuka Wanita.

"Saya dapat melihat semangat anak muda bermain futsal begitu meluap-luap terutama dalam kategori remaja dan wanita.

"Secara tidak langsung, kami di AmBank berasa bangga kerana dapat memberi komitmen dan menjadi sebahagian dalam penganjuran ini.

"Justeru sebagai tanda sokongan, Insya-Allah, AmBank akan terus membekalkan kerjasama. Malahan sebelum ini pun kami turut terbabit dalam penganjuran futsal antara institusi kewangan," katanya.

Berakhir saingan Zon Tengah, kelmarin, aspek peningkatan jumlah penyerta-

an menjadi topik perbualan utama dengan angka 402 pasukan direkodkan melebihi dua penganjuran terdahulu.

Ini bermakna hanya tinggal satu peluang terakhir iaitu di Zon Selatan buat pasukan memburu 24 slot terakhir ke Grand Final yang dijadualkan berlangsung Ogos ini.